



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**APLIKASI *FIQH AL-AWLAWIYYAT* DALAM MENANGANI ISU
COVID-19: ANALISIS TERHADAP ISU YANG TERPILIH**

**[APPLICATION OF *FIQH AL-AWLAWIYYAT* IN DEALING WITH
COVID-19 ISSUES: ANALYSIS OF SELECTED ISSUES]**

SARAH AQILAH MAZUKI¹
MOHD FADZHIL MUSTAFA¹
SITI KHADIJAH ISMAIL¹
HANNAN FATINI MD RESHAD¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: sarahaqilahmazuki@gmail.com

Received Date: 13 October 2022 • Accepted Date: 26 November 2022

Abstrak

Pandemik Covid-19 di Malaysia telah menyebabkan hampir keseluruhan amalan kehidupan seharian masyarakat berubah. Hal ini kerana dengan adanya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara kemaslahatan awam seperti pemakaian pelitup muka, larangan menunaikan solat jemaah di masjid, pemakaian perlindungan diri (PPE) bagi petugas-petugas barisan hadapan dan sebagainya. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan tentang pengaplikasian *fiqh al-awlāwiyyāt* dalam isu terpilih yang berkaitan dengan Covid-19. Metodologi kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Seterusnya, kaedah dokumentasi dilakukan berdasarkan kepada maklumat sekunder yang diperolehi daripada media massa, kitab-kitab agama serta lama sesawang. Kajian ini juga hanya tertumpu kepada beberapa isu yang terpilih sahaja. Analisis data telah mendapati bahawa, *fiqh al-awlāwiyyāt* telah diaplikasikan dalam penetapan dan pengeluaran hukum yang juga berdasarkan kepada qawaid fiqhiyyah dan maqāsid syari'ah. Hal ini kerana setiap hukum yang diputuskan mestilah melihat keadaan atau adat sesuatu tempat. Maka, apabila berlakunya perubahan seperti negara dilanda wabak dan sebagainya, terdapat pelbagai hukum yang berubah selari dengan kemaslahatan awam. Ketetapan yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam telah menunjukkan bahawa kepentingan menjaga kemaslahatan awam semasa berlakunya sesuatu wabak. Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam memastikan wabak ini dapat dibendung dan mengurangkan risiko jangkitan virus tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini telah dapat menyimpulkan bahawa pengaplikasian *fiqh al-awlāwiyyāt* dalam sesuatu permasalahan ketika dilanda wabak adalah sangat penting dan memerlukan kepada penelitian yang mendalam.

Kata Kunci: Pandemik, Maqāsid Syari'ah, *al-awlāwiyyāt*, Qawaid Fiqhiyyah, Masalah, Mafsadah

Abstract

The Covid-19 pandemic in Malaysia has caused almost the entire practice of daily life of the community to change. This is because of the Standard Operating Procedures (SOP) that have been implemented by those responsible for maintaining and preserving public welfare such as wearing face masks, ban on performing congregational prayers in mosques, wearing personal protection (PPE) for front line officers, and so on. The purpose of this study is to discuss the application of fiqh al-awlawiyyāt in the selected issues related to Covid-19. This qualitative research methodology uses a case study design. Next, the documentation method is based on the secondary information that has been obtained from the religious book, web pages, mass media and so on. Data analysis has found that fiqh al-awlawiyyāt has been applied in the setting and issuing laws which are also based on qawaid fiqhiyyah and maqāṣid al-shariah. This is because before the fatwa or every law issued, the panel must look at the circumstances or customs of a place. So, when there is a change such as a country hit by an epidemic and so on, there are various laws that change in line with the public interest. The ruling that has been decided by the Muzakarah of the Islamic Religious Affairs Committee has shown that the importance of safeguarding the public interest during an epidemic. The community also plays an important role in ensuring that the epidemic can be curbed and reduce the risk of infection with the virus. Therefore, this study has been able to conclude that the application of al-awlawiyyāt in a problem when hit by an epidemic is very important and requires in-depth research.

Keywords: Pandemic, Maqāṣid Syari'ah, al-awlawiyyāt, Qawaid Fiqhiyyah, Maslahah, Mafsadah.

Cite as: Sarah Aqilah Mazuki, Mohd Fadzil Mustafa, Siti Khadijah Ismail & Hannan Fatini Md Reshad. 2022. Aplikasi Fiqh al-Awlawiyyat dalam Menangani Isu Covid-19: Analisis Terhadap Isu yang Terpilih [Application of Fiqh al-Awlawiyyat in Dealing with Covid-19 Issues: Analysis of Selected Issues]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 32-39.

PENGENALAN

Penularan wabak *Covid-19* yang melanda dunia bermula pada tahun 2019 merupakan rentetan virus bermula dari Negara China yang dikesan dikesan di Bandar Raya Wuhan, Hubei, China. Hal ini telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (Aini Ahmad & Muhammad Najib, 2021). Seseorang itu akan dijangkiti virus *Covid-19* atau *Coronavirus* (CoV) melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin (*World Health Organization*, 2020). Antara tanda awal virus *Covid-19* ini seseorang itu mengalami penyakit seperti demam, pening kepala, sakit badan, pening kepala, batuk, sukar bernafas, sakit tekak, keletihan dan kehilangan atau gangguan deria bau dan rasa (Struyf et.al, 2020).

Covid-19 diisytiharkan sebagai pandemik kerana merujuk kepada wabak yang menyerang dalam masyarakat dalam skop yang besar yang melibatkan kawasan yang luas seperti sebuah negeri, negara, benua dan juga seluruh dunia sekiranya dibiarkan melarat. Antara pandemik yang telah melanda dunia ialah wabak maut hitam, wabak cacar air, wabak selesema Sepanyol (*Spanish Flu*), wabak Justinian, aids dan sebagainya (Najmi Syahiran, 2020).

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sehingga kini jumlah kes *Covid-19* yang melanda dunia telah melepasi 236 juta orang dan jumlah kematian sebanyak lima juta (Sinar Harian, 2021). Tambahan pula, menurut Johns Hopkins Negara yang paling teruk terjejas ialah Amerika Syarikat (AS) iaitu 34.5 juta kes, diikuti India 31.4 juta kes dan Brazil melebihi 19.6 kes (Sinar Harian, 2021).

Pandemik ini telah mengubah landskap hidup masyarakat yang telah memberi implikasi termasuklah dari segi kesihatan, ekonomi, sosial, budaya, agama dan psikologi kepada semua masyarakat. Kes *Covid-19* yang berlaku di Malaysia bermula 25 Januari 2020 yang dikesan melalui para pelancong dari China yang tiba di Johor melalui Singapura (Gardaworld, 2020). Kes pada awalnya terbatas pada kes-kes yang diimport kemudian muncul pula beberapa buah kes tempatan iaitu yang melibatkan kluster terbesar yang dikesan ekoran perhimpunan agama Jemaah Tabligh yang diadakan di Kuala Lumpur (*The New York Times*, 2020). Tambahan pula, perubahan kehidupan masyarakat berubah dapat dilihat apabila kerajaan berusaha mempergiatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 selama 14 hari bagi membendung penularan ini terus merebak dan berjangkit (Nik Azmi & Nur Zainie et.al, 2021:127-147). Oleh itu, masyarakat disiapiagakan secara berterusan untuk mencegah daripada penyakit ini berjangkit (Mohd Sophian & Mohd Arif et.al, 2021) .

Walau bagaimanapun, apabila kes di Malaysia mula menunjukkan tanda-tanda penurunan dan pemulihan, PKP ini telah dilonggarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020. Banyak sektor ekonomi mula dibuka seperti biasa dan kawalan pergerakan mula dilonggarkan. Walaupun begitu, masjid masih belum dibenarkan untuk dibuka sehingga ada arahan dan garis panduan yang jelas untuk memastikan keselamatan para jemaah. Arahan atau keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan awam berdasarkan kepada *qawaid fihiyyah*, *maqāsid syariah* dan *fiqh al-awlāwiyyāt*. Perubahan yang berlaku ini telah menyebabkan beberapa amalan kehidupan harian tidak dapat dilaksanakan seperti biasa. Walaupun asas kepada larangan yang telah diputuskan ini menepati syariat Islam bersandarkan kepada hadis dan sebagainya, namun perintah ini tidak dapat difahami dengan baik melainkan aspek *fiqh al-awlāwiyyāt*, *maqāsid syari'ah* serta *qawaid fihiyyah* dibahaskan secara tuntas dalam kajian ini. Hal ini kerana elemen ini berperanan penting dalam menzahirkan relevan pensyariaan, fatwa serta hukum sehingga dapat difahami dengan baik oleh akal yang sejahtera (Muhammad Safwan Harun, Luqman Haji Abdullah, Syed Mohd Jefferi Syed Jaafar & Mohd Farhan Md Ariffin, 2020). Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan untuk melihat dan menganalisis penerapan dan pengaplikasian *fiqh al-awlāwiyyāt* dalam isu yang berkaitan dengan *Covid-19*.

PANDUAN ULAMA ISLAM BERKAITAN AMALAN PENCEGAHAN PANDEMIK

Islam menitik beratkan supaya umat Islam berusaha dalam mencegah penyakit tersebut dan mengambil langkah-langkah keselamatan. Selain itu, Nabi SAW juga menasihati agar tidak berada di tempat wabak iaitu tempat penyakit berjangkit itu berada dan sekiranya telah berada di tempat itu, janganlah keluar daripadanya. Nabi SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.” (Sahih Muslim: 2219)

Oleh itu, berpandukan dengan hadis ini, umat Islam wajib mencegah sama ada diri sendiri dan masyarakat seluruhnya daripada terkena penyakit wabak ini (Abdul Haji Awang, 2020). Ajaran Islam merupakan ajaran yang sempurna dan membawa rahmat ke seluruh alam. Islam memberi keringanan (rukhsah) dalam hukum syarak kepada orang yang berhadapan dengan kesukaran, kesulitan atau apa jua situasi dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab dalam menunaikan perintah Allah. Antara rukhsah yang diberikan kepada umat Islam ialah seperti tayamum ketika ketiadaan air, solat jamak dan *qasar* ketika bermusafir, meninggalkan solat Jumaat kerana keuzuran seperti hujan lebat dan sebagainya (Majlis Ugama Singapura, 2020).

KONSEP FIQH AULAWIYAT

Islam merupakan agama yang syumul yang melengkapkan semua aspek kehidupan manusia. Pensyariaan hukum yang ada dalam al-Quran dibahagikan kepada dua komponen iaitu pertama *al-thawabit* (yang tetap dan kekal) yang merangkumi rukun, perkara yang tidak berubah hingga hari kiamat dan sebagainya. Manakala kedua ialah *al-mutaghayyirat* (yang boleh berubah) iaitu cabang-cabang atau *furu'* hukum yang boleh berubah mengikut keadaan semasa dan kesesuaian zaman tersebut (Saadan Man, 2009).

al-Fiqh bermaksud memahami dan mengetahui secara terperinci akan sesuatu (al-Khin, 1996). Manakala *al-awlāwiyyāt* pula kata jamak dari perkataan *الأولى* yang bermaksud lebih penting atau lebih utama. Dari segi istilah pula suatu panduan dan kaedah dalam memahami penentuan sesuatu perkara yang lebih utama. Hal ini dapat difahami dan dijelaskan oleh al-Qardawī, ilmu *fiqh al-awlāwiyyāt* merupakan:

“Suatu ilmu yang meletakkan suatu perkara pada urutannya dengan adil, dari perkara hukum, nilai dan amalan, kemudian mendahulukan yang lebih utama berdasarkan kepada timbangan syarak yang tepat, maka tidaklah perkara remeh didahulukan dari perkara penting, tidak pula perkara penting mendahului perkara yang lebih penting, tidak juga perkara marjuh (lemah) mendahului perkara yang rajah, tidak juga perkara yang kecil keutamaannya mendahului perkara yang besar keutamaannya, bahkan hendaklah didahulukan yang berhak didahulukan serta dikemudiankan yang berhak dikemudiankan, tidak dibesarkan perkara yang kecil, tidak dipermudahkan perkara yang penting, hendaklah diletakkan setiap sesuatu ditempatnya dengan timbangan yang tepat tanpa tindakan yang melampau dan merugikan” (al-Qardhawi, 1996; Abdul Rahman, 2017).

PENGAPLIKASIAN FIQH al-AWLAWIYYĀT DALAM ISU BERKAITAN COVID-19

Isu berkenaan Solat Jamak Kepada Petugas Yang merawat pesakit Covid-19

Solat fardu lima waktu yang telah difardukan kepada umat Islam mestilah dilakukan pada waktunya iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak. Hal ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

فَإِذَا قُضِيَتْهُمُ الصَّلَاةُ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَفُجُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. (Surah al-Nisa': 103)

Menurut Wahbah Zuhaili (2016), dalam kitab *Tafsir al-Munir* menyatakan bahawa penetapan solat fardu mengikut kepada waktu yang tertentu adalah untuk mengingatkan manusia kepada Allah SWT pada waktu siang dan malam. Selain itu juga penetapan ini juga dapat mengelakkan manusia daripada melakukan perkara yang terlarang dan lalai dalam melakukan kebaikan. Di samping itu, Muhammad Abdul Rahman (2008), menyatakan bahawa diharuskan untuk menjamakkan solat bagi mereka yang mempunyai keuzuran. Malah, jika keuzuran tersebut membawa kepada meninggalkan solat maka, hukumnya adalah berdosa tanpa syak. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW:

جمع بين الظهر والعصر والمغرب والعشاء بالمدينة من غير خوف ولا مطر. فقيل لابن عباس لم فعل ذلك قال: أراد أن لا يخرج أمته

Maksudnya: Rasulullah SAW menjamakkan di antara solat Zuhur dengan Asar dan di antara solat Maghrib dengan Isyak di Madinah tanpa ada kegawatan dan bukan kerana hujan. Lalu ditanya kepada Ibnu Abbas: Apa tujuan Nabi SAW berbuat demikian? Ibnu Abbas berkata: Baginda tidak ingin menyusahkan umatnya". (Riwayat al-Tirmizi: 187, al-Nasa'i: 1574)

Berdasarkan hadis yang dinyatakan pada sebelum ini Rasulullah SAW melaksanakan solat jamak ketika tiada keuzuran sebagai satu petunjuk bahawa jika berlakunya keuzuran atau urusan yang mendesak maka, solat jamak itu terlebih utama. Begitu juga bagi petugas-petugas yang bertanggungjawab mengendalikan pesakit-pesakit Covid-19 yang memerlukan kepada pemakaian perlindungan sendiri (PPE) sepanjang bertugas dan keadaan masa yang begitu terhad untuk menukar pakaian dan mengambil wuduk maka dibolehkan bagi mereka untuk menjamakkan solat fardu (Zulkifli Mohamad, 2020).

Kaedah penetapan hukum ini juga berpandukan kepada kaedah fiqhiyyah iaitu المشقة yang bermaksud *masyaqqah* (kesukaran) dalam melaksanakan perintah Allah membawa kepada keringanan (kemudahan). Atas dasar ini juga *fiqhawlāwiyyāt* diaplikasikan dalam penetapan hukum ini di mana, menunaikan solat secara jamak terlebih utama kepada

petugas-petugas tersebut berbanding daripada menunaikan solat secara *tamam* (sempurna) untuk menjaga kemaslahatan dan keselamatan mereka (Zulkifli Mohamad, 2020).

Dalam hal ini, perbandingan antara risiko menunaikan solat secara *tamam* dan jamak dilakukan. Solat yang dilakukan secara *tamam* memerlukan kepada petugas untuk membuka alat pelindung diri dengan lebih kerap dan membawa kepada risiko yang lebih besar manakala, menunaikan solat secara jamak yang mengurangkan kekerapan serta risiko terdedah kepada virus. Jadi, diutamakan menunaikan solat secara jamak daripada solat secara *tamam*. Hukum ini juga berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما yang bermaksud apabila bertembungnya dua mafsadah (kemudaratan), maka dipelihara (ditolak) mafsadah yang lebih besar dengan mafsadah (melakukan) mudarat yang lebih ringan (al-Suyuti, 1983).

Isu Penutupan Masjid akibat wabak Covid-19

Solat berjemaah membawa maksud solat yang dilakukan dan dilaksanakan secara beramai-ramai. Solat berjemaah juga merupakan solat yang terhasil antara pertalian imam dan makmum (al-Zuhaili, 1985). Manakala, jumhur ulama' bersepakat mengenai pensyariatannya dan berbeza pandangan pada hukum melaksanakannya. Menurut fuqaha' *Syafi'iyah* pada pandangan yang *asah*, menunaikan solat fardu secara berjemaah adalah fardu kifayah. Wahbah Zuhaili (1985), merumuskan bahawa mendirikan solat berjemaah di masjid adalah lebih afdal berbanding di rumah. Hal ini berdasarkan kepada Sabda Nabi SAW:

صَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ، فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا الْمَكْتُوبَةَ

Maksudnya: Solatlah kamu semua wahai manusia di rumah-rumah kamu, kerana sesungguhnya sebaik-baik solat seseorang adalah di rumahnya melainkan solat fardu. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hal ini kerana, masjid merupakan tempat yang mempunyai banyak *fadilat* (kelebihan) dari segi kemuliaannya, kebersihannya, menzahirkan syiar Islam dan mempunyai jemaah yang ramai. Namun, kelebihan solat berjemaah di masjid seperti yang dinyatakan dalam hadis sebelum ini tidak menafikan kelebihan solat berjemaah di rumah (Muhammad Safwan Harun, et.al, 2020).

Namun disebabkan pandemik yang berlaku, pihak yang bertanggungjawab telah mengeluarkan satu prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi oleh penduduk Malaysia seperti mewajibkan pemakaian pelitup muka, penjagaan jarak sosial, penggunaan sanitasi tangan dan sebagainya. Selain itu, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam juga telah memutuskan penutupan dan penangguhan solat jemaah di masjid dan surau serta solat Jumaat (Abdul Manan Ismail, Mushaddad Hasbullah, Irwan Mohd Subki, Lukman Abdul Mutalib, Mohd Soberi Awang dan Shahirah Hafiz Mohd Tahir Naeem, 2021).

Penutupan ini dilakukan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan awam dan mengurangkan kadar kebolehjangkitan antara satu dengan yang lain. Perkara ini juga diputuskan dengan melihat kepada *qawaid fiqhiyyah* antaranya:

1. Kemudharatan dihilangkan (الضرار يزال)
2. Menolak mafsadah (kemudharatan) lebih diutamakan berbanding meraih *maslahah* (درء المفسد مقدم على جلب المصالح)
3. Kemudharatan dihilangkan dengan kadar kemampuan (الضرار يدفع بقدر إمكان)

Melihat kepada kelebihan dan fadilat solat di masjid tidak dinafikan bahawa solat di masjid lebih afdal berbanding solat di rumah. Tetapi perlu melihat kepada mafsadah atau kemudharatan yang akan berlaku sekiranya solat berjemaah di masjid masih dibenarkan kerana boleh menyebabkan seseorang itu terdedah dengan virus *Covid-19*. Jadi, solat di rumah lebih diutamakan berbanding solat berjemaah di masjid bertepatan dengan kaedah menolak kemudharatan lebih diutamakan berbanding meraih kemaslahatan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, *fiqh al-awlawiyyāt* memainkan peranan yang penting dalam penentuan pelaksanaan hukum khususnya dalam penyelesaian hukum ketika pandemik yang berlaku. Setiap ujian yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia adalah untuk menguji dan kembali kepadaNya. Malah, dengan ditimpa ujian seperti kesakitan, kelaparan, kematian, kehilangan adalah merupakan medifestasi untuk mengangkat martabat bagi seorang hamba. Sebagai manusia yang menghadapi ujian yang diberikan mestilah menjalaninya dengan sabar, reda dan bertawakal kerana akan memperolehi ganjaran pahala yang besar disisi Allah SWT.

RUJUKAN

- Abdul Awang. (2020, March 15). Berita Harian Online. Retrieved from Wajib cegah, rawat *COVID-19* - Hadi: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665485/wajib-cegah-rawat-Covid-19-hadi>
- Abdul Manan Ismail, Mushaddad Hasbullah, Irwan Mohd Subri, Lukman Abdul Mutalib, Mohd Soberi Awang & Shahirah Hafiz Mohd Tahir Naeem. (2021). *Fiqh al-awlawiyyāt Dalam Fatwa Berkaitan Covid-19: Analisis Fatwa Terpilih dalam Jurnal al-Qanatir*. (23). 2-21.
- Abdul Rahman. (2017). *Fiqh al-Aulawiyat: Taarif wa Adilatihi*. Alukah al-Syariah.
- Aini Ahmad & Muhammad Najib. (2021). *Ujian dan Cabaran Sepanjang Pandemik Covid-19 Terhadap Warga Emas di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Berita Harian Online. (2020, April 16). Retrieved from PKP: Fasa ketiga PKP sudah diwarta: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677904/pkp-fasa-ketiga-pkp-sudah-di warta>
- Gardaworld. (2020, Januari 25). Malaysia: First Cases of 2019-nCoV confirmed January 25. Retrieved from <https://www.garda.com/crisis24/news-alerts/308496/malaysia-first-cases-of-2019-ncov-confirmed-january-25>
- Majlis Ugama Singapore. (2020, Februari 18). Retrieved from Fatwa Berkaitan Pencegahan *Covid-19*: <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay>

- Mohd Gunawa. (2020, September 21). Ujian Sakit Mengangkat Martabat. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/620616/ujian-sakit-mengangkat-martabat>
- Mohd Sophian & Mohd Arif et.al. (2021). Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, 17-28.
- al-Mubarakfuri, Muhammad Abdul Rahman Abdul Rahim. (2008). Tuḥfatul Ahwadzi Syarah Sunan al-Tirmizi. Bait al-Afkar al-Dauliyah.
- Muhammad Safwan Harun, Luqman Abdullah, Syed Mohd Jefferi Syed Jaafar & Mohd Farhan Mf Ariffin. (2020). Analisis Larangan Aktiviti Keagamaan di Masjid Dalam Peruntukan Perintah Kawal Pergerakan (PKP) Berdasarkan Parameter Maqāṣid Shari'ah. *Jurnal Fiqh*, 17 (2) (231-266).
- al-Khin, Musteafa. (1996). *al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Najmi Syahiran. (2020). Trivia: Ini 5 Wabak Paling Dahsyat dalam Sejarah Manusia. Berita Astro Awani.
- Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd Hamid, Nabila Ahmad, Mohd Fazil Jamaludin dan Siti Fairuza Hassam. (2021). Pandemik Covid-19: Keberkesanan Penyebaran Maklumat Oleh Kerajaan dan Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Journal of Public Security and Safety*, 11 (1) (127-147).
- Saadman Man. (2018). *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sinar Harian. (2021). Kematian Akibat Covid-19 Dunia Hampiri Lima Juta: WHO.
- Sinar Harian. (2021). Kes Covid-19 Global lebih 194.5 Juta, 4.16 Juta Kematian.
- al-Suyuti, Jalal al-Din al-Suyuti. (1983). *al-Asybah wa al-Nazair Fī Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- The New York Times. (2020, March 22). How Mass Pilgrimage at Malaysian Mosque Became Coronavirus Hotspot. Retrieved from <https://web.archive.org/web/20200322192328/https://www.nytimes.com/reuters/2020/03/17/world/asia/17reuters-health-coronavirus-malaysia-mosque.html>
- Struyf, T., Deeks, J. J., Dinnes, J., Takwoingi, Y., Davenport, C., Leeftang, M. M., Spijker, R., Hooft, L., Emperador, D., Dittich, S., Domen, J., Horn, S. R. A., Van den Bruel, A., & Cochrane COVID-19 Diagnostic Test Accuracy Group (2020). Signs and symptoms to determine if a patient presenting in primary care or hospital outpatient settings has COVID-19 disease. The Cochrane database of systematic reviews, 7(7), CD013665. <https://doi.org/10.1002/14651858.CD013665>
- al-Zuhaili, Wahbah. (1985). *Fiqh Islāmī wa adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-Zuhaili, Wahbah. (2016). Tafsir al- Munir, Juz 5 & 6. Jakarta: Gema Insani.
- World Health Organization. (2020, Februari 27). Retrieved from <https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/getting-workplace-ready-for-Covid-19.pdf>
- al-Qardhawi, Yusuf. (1996). *Fiqh Keutamaan (Keutamaan Tugas-tugas Kaum Muslimin): Satu Kajian Baru Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Batu Caves: Thinker's Library.
- Zulkifli Mohamad. (2020). *Soal Jawab Fiqh Covid-19*. Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).